

Headline	Kes AIDS dalam kalangan wanita bertambah		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	09 Dec 2014	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	6	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	235 cm ²
Journalist	Mardinah Jikur	AdValue	RM 484
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,453



Kes AIDS dalam kalangan wanita bertambah

Mardinah Jikur

SANDAKAN: Kes jangkitan HIV/AIDS dalam kalangan wanita semakin bertambah, kata Ahli Parlimen Batu Sapi Datuk Linda Tsen.

Katanya, seramai 728 wanita dikesan daripada 3,393 jumlah kes baharu jangkitan HIV yang dicatatkan di negara ini pada tahun lalu.

"Pada lima tahun kebelakangan ini, 10 peratus daripada kes yang dikesan terdiri daripada golongan suri rumah.

"Negeri yang paling ramai suri rumah dikesan positif HIV adalah Kedah, Terengganu dan Kelantan," katanya, dan menambah, kes baharu dalam kalangan lelaki berkurangan sebanyak 60 peratus.

Linda berkata demikian semasa merasmikan sambutan Hari Aids Sedunia peringkat daerah, di sini, Ahad lalu.

Hadir sama, Pegawai Kesihatan Sandakan, Dr. Johari Awang Besar dan Presiden Persatuan Kumpulan Sokongan AIDS (Saga) Sandakan yang juga Pengerusi Penganjur pro-

gram, Dr. Zaiton Yahaya.

Katanya, sejak 1986 hingga 2013, hampir 102,000 orang dikesan menghidap penyakit Aids.

Tambahnya, dari jumlah itu, 34 peratus dikesan dalam kalangan beliau yang berumur antara 13 dan 29 tahun.

Sementara itu, Linda menarik perhatian bahawa antara punca utama wanita dijangkiti virus HIV adalah melalui jangkitan heteroseksual.

"Lebih menyedihkan adalah dua peratus bayi yang dilahirkan dijangkiti virus oleh ibu yang positif.

"Melalui saringan HIV yang dibuat ke atas ibu hamil yang berklินิก untuk penjagaan antenatal menunjukkan punca jangkitan dalam kalangan wanita yang telah berkahwin adalah melalui pasangan mereka yang berisiko," kata Linda.

Dalam hubungan ini, beliau menggesa semua pihak agar berganding bahu memperkasakan wanita dan beliau mengenai cara pencegahan, rawatan dan bagaimana mendapatkan rawatan AIDS yang betul.

Tentang majlis itu, Linda berkata ia membuka peluang untuk memberi kesedaran kepada masyarakat men-

genai AIDS dan virus pembawanya, iaitu HIV.

"Sekiranya kita memahami bagaimana HIV boleh berjangkit, maka kita pasti tahu bagaimana untuk mengelak daripada dijangkiti, dan bagi mereka yang positif, anda mesti tahu dan mengambil langkah untuk melindungi diri anda daripada menjangkiti orang lain," katanya.

Sempena Hari AIDS Sedunia itu, SAGA juga mengedar riben merah di sekitar bandar.

Pejabat Kesihatan Kawasan Sandakan juga akan mengadakan ceramah HIV pada 12 Disember di Lembaga Hasil Dalam Negeri di Batu 7, di sini untuk semua kakitangan awam, agensi dan pekerja estet.



Linda